

# Fikirkan kaedah baru elak sesak

UM: 9/7/2007

BUKIT MERTA JAM 8 Julai - Datuk Seri Najib Tun Razak meminta penganjur dan kerajaan negeri memikirkan kaedah baru untuk memastikan kejadian kesesakan lalu lintas di Stadium Batu Kawan semasa perlawanan akhir Piala FA pada 30 Jun lalu tidak berulang.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kaedah baru itu bagaimanapun terserah kepada Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon dan Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) untuk memikirkannya.

"Lain kali kenalah buat cara baru untuk menyelesaikan perkara itu," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Batu Kawan, di sini hari ini.

Masalah kesesakan yang berlaku itu menyebabkan kerajaan negeri dan Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) menuding jari kepada polis yang didakwa gagal memastikan kelancaran lalu lintas semasa perlawanan akhir pada 30 Jun lepas.

Ia juga menyebabkan Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Muadzam Shah yang dijemput untuk menyampaikan hadiah terpaksa berjalan kaki sejauh dua kilometer, manakala Pemangku Raja Perlis dibawa membonceng motosikal ke stadium itu.

Najib berkata, beliau yang telah diberi taklimat mengenai kejadian tersebut, tidak mahu pelbagai pihak saling menuding jari berhubung isu kesesakan lalu lintas kerana tiada pihak yang perlu dipersalahkan.

Beliau menjelaskan, keghairahan orang ramai termasuk penyokong pasukan Kedah dan Perlis yang mahu melihat secara langsung perlawanan itu menyebabkan mereka sanggup melakukan apa sahaja termasuk meletakkan kenderaan atas jalan raya.

"Tidak ada orang yang salah. Ini (disebabkan) perangai orang yang hendak tengok bola sepak. Mereka buat apa saja termasuk meletakkan kereta di tengah jalan," katanya.